

Kenyataan, terma dan syarat

1. Perkhidmatan pesanan ringkas (**SMS**) yang ditawarkan kepada pemohon visa adalah untuk mengemaskini status terkini pemohon tentang proses permohonan visa. Maklumat yang diberikan melalui SMS berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Kedutaan British di Kuala Lumpur, Malaysia. VFS pula memastikan yang maklumat tersebut boleh didapati oleh pemohon dengan segera dan tepat. Pemohon visa harus sentiasa memastikan mereka mempunyai nombor telefon bimbit yang mempunyai khidmat SMS supaya VFS boleh menghantar pesanan mesej tentang status pemohon visa. Pemohon visa harus memastikan mereka mempunyai rangkaian telefon bimbit yang berupaya menerima pesanan ringkas (SMS). Pemohon visa memahami yang sekiranya telefon bimbit mereka dimatikan, diputuskan talian atas sebab-sebab tertentu atau tidak mempunyai liputan bagi tempoh masa 24 jam atau lebih, pembekal rangkaian mobil pemohon visa mungkin akan menghentikan penghantaran sebarang pesanan SMS yang sepatutnya diterima oleh pemohon visa.
2. Masa penghantaran SMS bergantung pada beberapa faktor seperti kesesakan rangkaian mobil itu dan sama ada telefon bimbit mereka boleh dihubungi. Jadi VFS tidak boleh menjamin penghantaran pesanan teks SMS kerana VFS bukan operator rangkaian mobil.
3. Pemohon visa memastikan yang nombor telefon bimbit yang betul diberikan bagi penerimaan SMS. Juga pemohon visa haruslah merupakan pemilik, pengguna sah atau mempunyai kebenaran pemilik mobil untuk menggunakan telefon bagi perkhidmatan ini. Pemohon visa tahu akan penggunaan telefon bimbit individu lain/ memberikan nombor telefon yang tidak betul bagi penerimaan SMS mungkin akan mendedahkan maklumat sulit pemohon dan risikonya ditanggung pemohon itu sendiri.
4. Sebaik sahaja perkhidmatan ini dibeli, pemohon visa boleh mula menggunakannya dari tempoh pembelian sehingga tamat proses permohonan yang akan dimaklumkan oleh VFS melalui laman web kami di www.vfs-uk-my.com. VFS mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan ini pada bila-bila masa sahaja tanpa notis.
5. Pemohon visa tidak harus menggunakan (atau membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan) perkhidmatan SMS untuk menghantar sebarang mesej atau komunikasi yang spam, haram, menyinggung perasaan, kesat, tidak senonoh atau menjengkelkan, ketidakselesaan atau melanggar hak pihak ketiga. VFS mempunyai hak menarik balik perkhidmatan SMS jika pemohon visa melanggar perkara tersebut. VFS juga akan menghentikan perkhidmatan ini sekiranya VFS menganggap dengan budi bicaranya sendiri yang perkhidmatan SMS ini digunakan bagi sebab-sebab tersebut.

6. Bagi sebab-sebab operasi, VFS mungkin menukar spesifikasi teknikal perkhidmatan ini dengan notis atau tanpa notis. Terma dan syarat ini juga bergantung kepada sebarang penukaran pada perkhidmatan ini.
7. Pemohon visa memahami yang perkhidmatan SMS ini mungkin terjejas bila-bila masa akibat rangkaian telefon bimbit pemohon visa yang tiada liputan. VFS tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian yang dialami oleh pemohon visa secara langsung atau tidak langsung disebabkan masalah pembekal perkhidmatan mobil pemohon visa. Tertakluk kepada kekangan tersebut, VFS akan melaksanakan perkhidmatan ini dengan penjagaan dan kemahiran yang sepatutnya.
8. Sekiranya pemohon visa tidak menerima SMS tentang perkhidmatan ini, pemohon harus memaklumkan VFS melalui emel atau talian bantuan.
9. Perkhidmatan SMS memberikan maklumat tentang status permohonan visa berdasarkan maklumat yang diterima oleh VFS daripada Kedutaan British.
10. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, pemohon visa harus merujuk kepada arahan yang terdapat di laman web www.vfs-uk-my.com. Pemohon visa setuju untuk mematuhi semua arahan yang kami berikan berkaitan dengan perkhidmatan ini, termasuk sebarang arahan keselamatan. Kami berhak membatalkan akses perkhidmatan ini kepada pemohon sekiranya didapati pemohon melanggar terma dan syarat ini.
11. Pemohon visa bertanggungjawab atas kos-kos mesej yang diterima. Bayaran yang telah dibuat bagi perkhidmatan SMS ini tidak akan dipulangkan sama sekali.
12. Pemohon visa harus memastikan yang individu yang tidak berkuasa tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan ini.
13. VFS mengambil semua langkah berjaga-jaga terhadap penghantaran maklumat. VFS tidak bertanggungjawab bagi sebarang perkara atau kejadian yang berada diluar kuasa VFS.
14. VFS boleh menghentikan peruntukkan perkhidmatan ini secara sementara sekiranya ia mendapatkan penjejasan kepada mana-mana perkhidmatan telekomunikasi dari sudut kebendaan, termasuk perkhidmatan oleh VFS.
15. VFS secara terperinci mengecualikan sebarang liabiliti (termasuk kecuai) berkaitan dengan maklumat pihak ketiga atau perkara lain yang boleh didapati melalui perkhidmatan teks SMS ini.
16. Terma dan syarat ini adalah dibawah undang-undang Malaysia dan kedua-dua parti tertakluk kepada yurisdiksi khas mahkamah di **Kuala Lumpur, Malaysia**.

Notis Perlindungan Data

1. Penghimpunan data

Privasi dan perlindungan data persendirian amat penting bagi VFS, termasuk semua yang bersekutu dengannya (sesudah ini`)). VFS mematuhi semua perundangan perlindungan data yang wajib semasa menghimpun dan memproses data persendirian. Semasa anda dalam proses memohon perkhidmatan SMS melalui pusat permohonan visa, kami mungkin akan mengumpul dan menyimpan (tertakluk kepada panduan Kedutaan British), maklumat yang berikut: Nama penuh anda, nombor telefon bimbit dan id emel anda, bahasa pilihan SMS anda, dan negara yang anda mohon untuk visa bagi tujuan memproses permohonan visa anda.

2. Pendedahan kepada pihak ketiga

Berikutan dengan semua perundangan perlindungan data yang wajib, data anda mungkin didedahkan kepada pihak ketiga yang memproses data. Ini bermakna, data anda mungkin juga akan dihantar ke luar negeri. Data anda mungkin juga didedahkan di kalangan pihak VFS dan entiti pengumpulan lain. data digunakan oleh entiti lain pihak VFS ini sama seperti entiti pengumpulan VFS yang berhak menggunakannya. Data anda adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga, bagi tujuan memenuhi kewajipan kontrak dibandingkan dengan anda ataupun jika dikehendaki oleh undang-undang, khasnya jika diperlukan oleh pihak yang berkuatkuasa atau bagi tujuan menguatkuasa hak VFS.

3. Penggunaan data

Data yang dikumpulkan akan diproses dengan baik dan digunakan bagi penghantaran status permohonan visa anda melalui SMS atau emel. Kami tidak berniat menggunakan maklumat anda untuk tujuan lain, kecuali jika anda memberi kebenaran, kami akan menggunakannya untuk menghantar maklumat pemasaran yang berkaitan dengan anda (seperti iklan penerbangan), yang biasanya disertakan semasa memulangkan passpot atau dihantar kepada anda melalui emel sekiranya alamat emel diberikan. Sila hubungi Pusat Permohonan Visa UK, Wisma MCA, Suite No. 19.06, 19th Floor, 163 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Maklumat anda disimpan dalam sistem komputer di UK, London dan India, Mumbai. Ia juga akan diakses dan disimpan oleh pihak yang bersekutu dengan kami yang kini berada di India.